

# Bulletin

BAHAGIAN  
**EJARAH**

BIL 1: 2022/23



*Melestarikan Sejarah  
demi Kemanusiaan*

# Isi kandungan

KATA ALUAN	
Pengerusi Rancangan	2
Ketua Editor	2
AHLI BAHAGIAN SEJARAH	3
IKON BAHAGIAN SEJARAH	4
PENSYARAH KUNJUNGAN	6
AKTIVITI AKADEMIK	
Jemputan sebagai panel	7
Penganjuran wacana	11
PENERBITAN	
Buku	14
Jurnal berindeks	18
Bab dalam buku	21
Pembentangan kertas kerja/ penerbitan prosiding	22
BICARA ILMUWAN	23
PENGIFTIRAFAN PIHAK LUAR	29
KUNJUNGAN TIDAK RASMI	31
PROGRAM P&P	33
MAJLIS PENGANUGERAHAN	39
BENGKEL KERJAYA	40
LIBAT SAMA	41
PERSARAAN STAF	42
AKTIVITI KELAB SEJARAH	43
BILIK ARKIB	45
PENGALAMAN ALUMNI PROGRAM SEJARAH	46
SIDANG PENGARANG	50



# KATA-KATA ALUAN **PENGERUSI RANCANGAN**

Assalamualaikum wrt dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah atas segala usaha yang dilakukan Editor Buletin **Bahagian Sejarah**, Dr Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif, dan semua ahli Bahagian Sejarah yang terlibat, bagi menjayakan penerbitan **Buletin Bahagian Sejarah** edisi pertama tahun 2023 ini. Inisiatif ini telah lama dicetuskan, bahkan sejak tahun 2021, tetapi dikekang oleh pelbagai cabaran dan komitmen yang tinggi yang dihadapi semua ahli Bahagian. Namun bersyukur ke hadrat Allah SWT, perancangan ini akhirnya berjaya juga dipenuhi dengan penerbitan edisi pertama yang sederhana ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan sumbangan semua ahli Bahagian dan pelajar di Bahagian Sejarah untuk melengkapkan **Buletin Bahagian Sejarah** ini dengan catatan dan maklumat masing-masing yang berkaitan dengan bidang sejarah dan aktiviti-aktiviti di Bahagian Sejarah dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Sumbangan dalam bentuk idea, cadangan, artikel, catatan ilmiah ringkas, penerbitan terkini, wacana-wacana oleh ahli Bahagian, penyelidikan dan pelbagai aktiviti lain selain maklumat program di Bahagian Sejarah amat sesuai dimuatkan dalam buletin ini bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang segala kegiatan dan program yang rancak dilaksanakan saban tahun di Bahagian Sejarah. Kepelbagaian aktiviti yang digerakkan di Bahagian Sejarah yang terpapar dalam buletin ini memberi makna tentang bagaimana Bahagian Sejarah turut mengorak langkah dan memberi sumbangan besar kepada pembangunan ilmu dan disiplin sejarah demi kemaslahatan seluruh masyarakat dan negara.

Saya berharap Buletin Bahagian Sejarah ini akan terus kekal memacu maklumat-maklumat berguna untuk ditatapi seluruh masyarakat baik di USM maupun di luar USM. Tak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan moral yang diberikan oleh saf kepimpinan PPIK atas segala aktiviti dan program yang digerakkan di Bahagian Sejarah. Semoga semua aktiviti dan program yang dijalankan itu akan terus bergerak bagi mengukir masa hadapan yang gemilang dan seterusnya mengangkat disiplin sejarah sebagai satu disiplin yang memberi makna besar kepada kemakmuran rakyat dan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DR AZMI ARIFIN

DARI MEJA  
**SIDANG PENGARANG**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, maka buletin bahagian Sejarah, PPIK telah berjaya diterbitkan buat pertama kalinya. Ucapan penghargaan juga ditujukan buat semua ahli bahagian dan para pelajar yang terlibat dalam usaha penerbitan ini.

Penerbitan buletin ini merupakan satu usaha bagi memperkenalkan bahagian Sejarah kepada umum dengan menonjolkan segala aktiviti bahagian yang telah dilaksanakan atau disertai dengan jayanya. Tahniah diucapkan kepada semua ahli Bahagian yang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan setiap aktiviti yang dirancang

Justeru, diharapkan penerbitan buletin ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

DR. SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

**C24**

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

# AHLI BAHAGIAN SEJARAH 2022/2023



Dr. Azmi Arifin  
(Pengerusi Rancangan)  
Sejarah sosial dan politik  
Malaysia



Profesor Datin  
Dr. Mahani Musa  
Sejarah Sosial dan Politik  
Malaysia



Profesor Madya  
Dr. Nazarudin Zainun  
Sejarah Sosioekonomi,  
Sejarah Dunia Melayu



Profesor Madya  
Dr. Muhamad Hasrul  
Zakariah  
Sejarah Antarabangsa,  
Sejarah Asia Barat,  
Sejarah dan  
Historiografi Islam



Dr. Tan Chee Seng  
Sejarah China Modern



Dr. Norasmahani Hussain  
Sejarah Eropah Modern



Dr. Khairul Anuar  
Mohd Rosli  
Sejarah Sosioekonomi,  
Sejarah Teknologi



Dr. Siti Noor Hafizah  
Mohamed Sharif Sejarah  
Sosioekonomi Malaysia,  
Sejarah Lokal.



Dr. Abdul Rahman  
Mad Ali  
Polisi Antarabangsa,  
Sejarah Kerajaan  
Tempatan Malaysia,  
Sejarah Pembangunan  
Politik

# IKON BAHAGIAN SEJARAH

## CATATAN PENGALAMAN

PROFESOR DATIN DR. MAHANI MUSA

Saya telah berkhidmat di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM) sejak tahun 1991. Bermakna telah 32 tahun saya bersama Bahagian Sejarah. Sebahagian besar pensyarah-pensyarah yang ada di Bahagian ini sewaktu saya memulakan perkhidmatan bukanlah asing kepada saya kerana saya juga bekas pelajar Sarjana Muda dan Sarjana (Sejarah) di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Nama-nama seperti Dr. Cheah Boon Kheng, Dr. R. Suntharalingam, Tuan Haji Abdul Rahman Haji Ismail, Dr. Tan Liok Ee, Dr. Badriyah Haji Salleh, Dato' Dr. Abu Talib Ahmad, Dr. Ariffin Omar, Dr. Leong Yee Fong, Dr. Paul H. Kratoska, Dr. Michael Vickery, Dr. Qasim Ahmad, Dr. Fadhlullah Jamil, Dr. Jagjit Singh Sidhu, dan Dr. Yuen Choy Leng merupakan nama-nama yang meninggalkan pengaruh yang besar terhadap perkembangan minat dan karier saya dalam bidang sejarah. Saya amat terhutang budi kepada mereka.

**Sepanjang  
32 tahun  
perkhidmatan  
saya telah  
menyaksikan pelbagai  
perubahan dalam  
bidang pengajian  
sejarah.**



Dari sebuah program empat tahun, menjadi tiga tahun dan kemudian tiga tahun setengah, malah Bahagian Sejarah juga pernah menerima pelajar double major dari bidang Sains seperti Kimia dan Matematik. Banyak perubahan telah dilakukan terhadap kursus-kursus yang ditawarkan termasuk beberapa kursus terpaksa digugurkan atau diserapkan ke dalam kursus lain apabila tempoh pengajian dipendekkan kepada tiga tahun. Sesuai dengan perkembangan ilmu sejarah dan keperluan nasional juga, beberapa kursus diperkenalkan atau telah dijenamakan semula. Antaranya, memperkenalkan program Sarjana pengajian Mod Campuran (Sejarah Asia Tenggara) pada tahun 2005, dan beberapa tahun lepas Bahagian Sejarah telah memperkenalkan kursus **Sejarah Gunaan dan**

**Kajian Tempatan** yang diwajibkan kepada pelajar pengkhususan sejarah tahun tiga. Tujuan utama kursus ini diperkenalkan adalah untuk membawa pelajar keluar daripada budaya pengajaran-pembelajaran yang hanya tertumpu di dewan kuliah ke dunia praktikal iaitu di ruang awam agar mereka dapat menggunakan pengetahuan sejarah bagi membantu menyelesaikan masalah dalam kehidupan orang awam demi kemaslahatan bersama. Sebagai salah seorang tenaga pengajar kursus ini, saya gembira melihat minat yang ditunjukkan oleh pelajar dan berharap kursus ini dapat membantu mereka masuk ke dunia pekerjaan dengan lebih cepat selepas bergraduasi kelak.

***"Satu perkara yang saya anggap menjadi keistimewaan Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan sejak sekian lama adalah dari segi semangat berpasukan untuk menghasilkan penerbitan suntingan bersama dengan judul-judul yang penting."***

Budaya penerbitan buku suntingan ini telah berlangsung sejak awal saya menyertai Bahagian ini dan berterusan sehingga kini. Sebahagian besar buku suntingan ini adalah hasil daripada seminar yang dianjurkan oleh Bahagian Sejarah. Antara buku-buku tersebut ialah Penghijrah dan Penghijrahan: Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh Pelajar-pelajar USM (1982), Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah (1985), Pendudukan Jepun

di Tanah Melayu, 1942-1945: Kumpulan Esei Sejarah Malaysia oleh pelajar-pelajar USM (1989), Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain (1990), Kekerasan dalam Sejarah (1993), Isu-isu Persejarahan (1995), Alam Pensejarahan dari Pelbagai Perspektif (1996), Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia (2000), New Terrains in Southeast Asian History (2003), Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia (2006), Reflections on Southeast Asian History Since 1945 (2006), Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik (2007), Akhbar dan Tokoh Persuratkhabaran Malaysia Kurun ke-20 (2011), 'Di Sebalik Tabir': Sejarah Politik Malaysia 1945-1957 (2016), Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan (2016), dan terkini, Kesultanan Melayu Melaka: Warisan, Tradisi dan Persejarahan (2021).

Besarlah harapan saya agar budaya penerbitan bersama ahli Bahagian dapat terus dipergiatkan menerusi penganjuran seminar dengan tema-tema yang penting dan relevan kepada sejarah bangsa dan negara untuk masa-masa akan datang.

**Selamat maju jaya!**

@Pihak Buletin Bahagian Sejarah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian Profesor Datin Dr. Mahani Musa berkongsi pengalaman beliau.





## PENSYARAH KUNJUNGAN **DR. ELSA JEANNE CLAVÈ**

Bahagian Sejarah juga telah menerima seorang Pensyarah Kunjungan iaitu Assistant Professor Dr. Elsa Jeanne Clavè daripada Universiti of Hamburg, Jerman. Beliau bertugas di Bahagian Sejarah bermula 18 Julai 2022 sehingga 14 Ogos 2023. Bidang kepakaran beliau adakah dalam Sejarah Manuskkrip.





## PENYERTAAN SEMINAR ANTARABANGSA

### PERSIDANGAN & PAMERAN ANTARABANGSA MANUSKIP MELAYU 2022

“Manuskrip Perundangan Melayu:  
Korpus Warisan Tempatan & Dunia”

Profesor Datuk Dr. Mahani Musa telah terlibat sama dalam Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2002. Pameran dan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) merupakan program utama anjuran Perpustakaan

Negara Malaysia (PNM). Program ini bertujuan membincangkan perkembangan, penemuan dan isu-isu terkini berdasarkan kajian dan penyelidikan manuskrip Melayu dalam pelbagai bidang. Bagi PAMM 2022 ini adalah bertemakan “Manuskrip Perundangan Melayu.

Usaha ini adalah selaras dengan pencalonan manuskrip tersebut yang dikenal pasti mempunyai kepentingan serta signifikan serantau dan global sekaliqus berpotensi memenuhi semua kriteria untuk dinobatkan sebagai UNESCO Memory of The Word (MoW) International Register.

KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**PERSIDANGAN & PAMERAN ANTARABANGSA**  
Manuskrip Melayu 2022

MANUSKIP PERUNDANGAN MELAYU:

**KORPUS WARISAN**  
TEMPATAN & DUNIA

9 - 11 OGOS 2022

DEWAN SITC  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJUNG MALIM, PERAK

DENGAN KERJASAMA

SEJARAH

SESI KEDUA:  
HUKUM KANUN PAHANG DAN  
UNDANG-UNDANG KEDAH  
9 Ogos 2022 (Selasa)  
2:30 petang - 5:00 petang

Pengerusi:  
Datuk Prof. Emeritus Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali (Persatuan Sejarah Malaysia)

Pembentang 1:  
Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi bin Abdul Rahim (Universiti Malaya)

Pembentang 2:  
Datin Prof. Dr. Mahani binti Awang@Musa (Universiti Sains Malaysia)

Pembentang 3:  
Dr. Ibrahim bin Haji Bakar (Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah)



# JEMPUTAN PANEL WACANA KEBANGSAAN

## WACANA ILMU SEMPENA PENGISYIHIRAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH

"20 FEBRUARI 1956: WIRA TAK  
DIDENDANG"

Dr. Azmi Arifin telah dijemput oleh pihak Arkib Negara Malaysia sebagai salah seorang panel pembicara bagi Majlis Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang bertemakan, "20 Februari 1956: Wira Tak Didendang". Selain daripada panel pembicara, Dr. Azmi Arifin juga dilantik menjadi moderator bagi program Ceramah Rukun Negara dan Perpaduan. Kedua-dua program ini diadakan pada 20 Februari 2023 dan bertempat di Bandar Hilir, Melaka.



Program wacana dan ceramah ini bertujuan menyuburkan ingatan khalayak terhadap peristiwa pengisytiharan tarikh kemerdekaan yang diumumkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra selain daripada bertujuan mengukuhkan jati diri dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.





**PAMERAN DAN  
PELANCARAN BUKU TUNKU  
ABDUL RAHMAN IBNI  
TUANKU MUHAMMAD**

Dr. Azmi Arifin telah dijemput untuk mengadiri Pameran dan Pelancaran Buku Tunku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad sempena meraikan 250 tahun Institusi Diraja Negeri Sembilan. Program ini diadakan oleh Galeri Diraja Tuanku Jaafar dengan kerjasama Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

Dalam program ini, Dr. Azmi Arifin juga turut berperanan sebagai pembentang pertama selain daripada Encik Khairil Hisham Mohd Ashaari juga turut berperanan sebagai pembentang kedua.





Gambar di sekitar majlis  
pameran bersama Ahli Kerabat  
Diraja Negeri Sembilan

# AKTIVITI AKADEMIK PENGANJURAN SEMINAR



## SEMINAR POLEMIK SEJARAH NEGERI SEMBILAN 17 OGOS, 2022M/1444

17 OGOS 2022- Bahagian Sejarah dengan kerjasama Galeri Diraja Tunku Jaafar dan Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Seminar Polemik Sejarah: "Perkembangan Pensejarahan Negeri Sembilan".

Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Yang di-Pertua Dewan Negara. Tujuan penganjuran seminar ini adalah bagi memperbanyakkan lagi penulisan sejarah Negeri Sembilan yang agak terpinggir dalam pengkajian sejarah negara. Diharapkan penganjuran seminar ini dapat menarik lebih ramai pengkaji sejarah yang berminat untuk menulis tentang sejarah Negeri Sembilan.



Bagi tahun 2022, bahagian sejarah telah menganjurkan dua seminar sama ada sebagai penganjur utama atau terlibat sebagai penganjur bersama dengan institusi luar.

Seminar ini merupakan medium untuk mencerna idea dan naratif baharu dalam sejarah dan pensejarahan Malaysia.

# PENGANJURAN WA

Wacana oleh bahagian adalah bagi berkongsi ilmu dengan khalayak umum selain daripada menonjolkan kepakaran ahli bahagian Sejarah.

**WACANA PENYELIDIKAN SEJARAH OGOS 2022**

**ANJURAN**  
BAHAGIAN SEJARAH, PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Oleh Marcin Darmek (Oaken FNO, Universiti Ningning, China)

Marcin Darmek obtained his master degree in Chinese Studies and his bachelor degree in Ethnology and Cultural Anthropology at the University of Wroclaw. He is currently a PhD candidate at the Institute of History and Archaeology of the Chinese University of Hong Kong. In his proposed thesis, he explores the history of the relations between the Basel Mission and the Taiping Rebels. His other fields of interests include peace research, collective memory studies, and publishing. He has published articles in various journals and periodicals such as *The Qing History Journal* and the *Studies on Taiping Rebellion and Late Qing Dynasties*.

**How to talk about history? Examining and discussing history narratives about the Taiping Rebellion**

Description of talk:  
My talk will focus on different narratives regarding the Taiping Rebellion. In China, the Rebellion is perceived alongside the Opium Wars as the beginning of China's Modernity. At the same time, the Taiping Civil War is often characterized as the West as one of the deadliest events in human history. Many scholars have focused on the religious dimension of the rebellion, while others have focused on the East-West interaction. In this talk, I am going to discuss some of the narratives regarding the Taiping Rebellion and the different ways of telling its history. By doing so, we can see how the narrative changes over time and space. By examining different perspectives, we may discuss the problem on how to tell history of the Taiping. Moreover, we may reflect on how to talk about this Chinese history and history in general. Should we focus on the religious dimension or discussing different perspectives? Or, for instance, we may deliberately choose our particular narrative.

**26 OGOS 2022 (JUMAT) 10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI**  
**Webex:** <https://fbt.ly/3A11fDM> (25391 9459 | Marcin1Talk22)

**Live Stream: History Section, School of Humanities @ USMPerang2017**

Semua dijemput hadir.  
Mata CSD dan CPD disediakan.  
Sebarang pertanyaan, sila hubungi moderator  
Dr. Tan Chee Seng ([tancs@usm.my](mailto:tancs@usm.my)).  
 

**BICARA ILMUWAN SEJARAH 2022**

**FEUDALISME, NASIONALISME DAN KEMERDEKAAN: SATU SOAL JAWAB**

DR AZMI ARIFIN  
Bahagian Sejarah  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

16 OKTOBER 2022  
AHAD 10.00 PAGI

SECARA LIVE DI FB AZMI ARIFIN DAN PAGE BICARA ILMUWAN SEJARAH





**BICARA ILMUWAN SEJARAH 2022**

**'SEJARAH RAKYAT': SEJARAH ATAU DAKYAH?**

April 27 2022  
AHAD 8.30MLM - 10.00MLM

DR AZMI ARIFIN  
Penyayang Kanan  
Bahagian Sejarah  
PP Ilmu Kemanusiaan, USM

SECARA LIVE DI PAGE HISTORY SECTION, SCHOOL OF HUMANITIES, USM DAN PAGE BICARA ILMUWAN SEJARAH

**BICARA ILMUWAN SEJARAH 2022**

**MELAYU SEMASA PENJAJAHAN: MALAS ATAU TERTINDAS?**

22 April 2022  
JUMAAT 9.00-10.30PAGI

DR SITI NOOR HAFIZAH  
Pengkaji bebas  
Sejarah Sosioekonomi Malaysia  
PULAU PINANG, MALAYSIA

SECARA LIVE DI PAGE HISTORY SECTION, SCHOOL OF HUMANITIES, USM DAN PAGE BICARA ILMUWAN SEJARAH

**PENDUDUKAN JEPUN DAN KESAN-KESANNAH DI TANAH MELAYU**

8 DESEMBER 2021  
RABU, 3.30-5.00 PTG

Anjurran:  
SMK SUNGAI ARA  
DAN  
BAHAGIAN SEJARAH,  
PPIK, USM

Fotobius:  
Profesor Datin Dr Mahani Musa  
Bahagian Sejarah  
PPIK, USM

<https://tiny.cc/meyarw>  
Meeting number: 921 461 2022  
Passcode: 921461



**BICARA ILMUWAN SEJARAH 2022**

**Perang Russia-Ukraine 2022: Adakah NATO puncanya**

Dr Norasmahani binti Hussain  
Pensyarah Kanan Bahagian Sejarah,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

facebook **LIVE**  
History Section School of Humanities dan Bicara Ilmuwan Sejarah

JUMAAT 29 APRIL 2022  
3.00-4.30 PETANG

**HISTORY SECTION SCHOOL OF HUMANITIES**

**BICARA ILMUWAN SEJARAH SERI 1**

**MALAY LEGAL CULTURE AND RIGHTS ON LAND IN JOHOR-SINGAPORE (19TH-20TH CENTURY)**

**FRIDAY**  
23 December 2022  
4.00-5.00 PM

**All are invited**

**Speaker**  
Junior Professor Dr. Elisa Clavé  
University of Hamburg, Germany

**Moderator**  
Dr. Norasmahani Hussain  
Universiti Sains Malaysia



**MA BAIN-AS-SALATIN DAN TUN SERI LANANG DALAM PERSEJARAHAN**

KHAMIS 20 OKTOBER 2022 | 8.30 MALAM

**LIVE**  
SECARA LIVE DI PAGE HISTORY SECTION, SCHOOL OF HUMANITIES, USM DAN PAGE BICARA ILMUWAN SEJARAH

Penjawat Dr M. Azizuddin  
Penjawat Prof Mamat Abd. Rahman  
Moderator En Khairi Ismail



# ACANA

2023

BULETIN BAHAGIAN SEJARAH bil1-2022/2023

**Bicara Ilmuwan Sejarah**

**DARI PENENTANGAN KEPADA PENSUBAHATAN: ELIT MELAYU DAN PENENTANGAN TERHADAP MALAYAN UNION, 1946-1957**

Mengupas sikap dan budaya politik sebenar golongan elit Melayu terhadap British semasa Isu Malayan Union betolarkan buku **BUDIMAN : Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof Redzuan Othman**

**SELASA**  
29 November 2022  
3.00-5.00 petang

**Semua dijemput hadir**

**facebook LIVE**  
Secara live di page Bicara Ilmuwan Sejarah

Oleh:  
**Dr Azmi Arifin**  
Ahli Sejarah Politik, Malaysia

**BICARA ILMUWAN - SIRI 5**  
BAHAGIAN SEJARAH - PPIK

**GABUNGAN MELAYU PATANI RAYA (GEMPAR) & PERJUANGAN MELAYU PATANI: SATU PENELITIAN SEMULA**

Oleh  
**DR. ABU HANIFAH HARIS**  
JABATAN SEJARAH  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya

**30 JANUARI 2023**  
(ISNIN)  
**10.00-11.30 pagi**

**SEMUA DIJEMPUT HADIR**

**BICARA ILMUWAN SEJARAH SIRI 2, 2023**

**PUTERA-AMCJA DAN PERLEMBAGAAN RAKYAT 1947: PENGAMATAN SEMULA SEJARAH**

**7 JANUARI 2023**  
SABTU  
9.30-11.00 PAGI

**SEUMA DIJEMPUT HADIR**

**facebook LIVE**  
Secara live di page History Section dan Bicara Ilmuwan Sejarah

Oleh:  
**Dr Azmi Arifin**  
Ahli Sejarah Politik,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Malaya

**BICARA ILMUWAN - SIRI 3**  
BAHAGIAN SEJARAH - PPIK

**FEUDALISME MELAYU DAN KEJATUHAN KOTA MELAKA 1511: KRITIKAN TERHADAP KEKELIRUAN DAN KETIDAKPEDULIAN PERSEJARAHAN**

Oleh  
**DR. AZMI ARIFIN**  
BAHAGIAN SEJARAH  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

**13 JANUARI 2023**  
(JUMAAT)  
**8.30-10.00 mlm**

**SEMUA DIJEMPUT HADIR**

**BICARA ILMUWAN - SIRI 4**  
BAHAGIAN SEJARAH - PPIK

**"SEJARAH SEBAGAI DAKYAH": PAPARAN SEJARAH DALAM PERTEMBUNGAN IDEOLOGI POLITIK DAN PERANAN MEDIA BAHRU DI MALAYSIA**

**21 JANUARI 2023**  
10-11.30 pagi

**SEMUA DIJEMPUT HADIR**

**facebook LIVE**  
Secara live di page History Section dan Bicara Ilmuwan Sejarah

Oleh:  
**Dr Azmi Arifin**  
BAHAGIAN SEJARAH  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM

**Bicara Ilmuwan Sejarah**

**KOMUNIS DAN GERAKAN KIRI: APA KAITANNYA?**

Menilai pandangan oleh Hishamudin Rais ttg komunisme





**SABTU**  
5 November 2022  
10.00 - 11.00 pagi

**Semua dijemput hadir**


**facebook LIVE**  
Secara live di page Bicara Ilmuwan Sejarah

Oleh:  
**Dr Azmi Arifin**  
Penyayah Kanan  
Bahagian Sejarah  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM

PENERBITAN BUKU  
**ANTARA BUKU  
TERBITAN LEPAS**




## PEMENANG ANUGERAH



Judul ini memenangi:  
**Anugerah Editor Naskhah Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial)**  
**Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)-KPT 2016.**




Judul ini memenangi anugerah:  
**Buku Terbaik (Kemanusiaan & Sains Sosial), Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) 2011 & Anugerah Penerbitan Buku Akademik Negara 2011-2012**





Judul ini telah memenangi:  
**Anugerah Buku Ilmiah Terbaik (Kemanusiaan dan Sains Sosial)**  
**Anugerah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)-KPT 2017.**

PENERBITAN BUKU 2022



## TERBITAN TERBAHARU



## CETAKAN SEMULA



# BAKAL TERBIT 2023



PENERBITAN ARTIKEL 2022  
**JURNAL BERINDEKS  
WOS/ SCOPUS/ ERA**

Mohamad Roslaily Rosdi, **Azmi Arifin** and Rasyidah Arshad. "Pembaharuan sistem perundangan Kelantan di bawah pentadbiran Siam-British 1902–1915." *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29, no. 2 (2022): 71–97. <http://doi.org/10.21315/kajh2022.29.2.4>

Ahmad Husni and **Mahani Musa**. "Federal Education Policy and the Role of Muhammad Yusof bin Ahmad, 1951–1955." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 95. no. 2 (2022): 109–132. doi:10.1353/ras.2022.0020.

Mamat, M. J., Rodziadi Khaw, N., Narayanan, S., Atan Edinur, H., Wahid, N., Masnan, S. S. K., Talib, N. K., Zainun, N., & Abdullah, M. F. "Tanah Abang, Perak: The layout and planning of a 16th century fortified Malay royal town." *PLANNING MALAYSIA* 20, no. 3 (2022): 76–86. <http://doi.org/10.21837/pm.v20i22.1128>

Muhamad Hasrul Zakariah. "The Occupation of East Baitul Maqdis in the 1967's Six Days Arab-Israeli War: Re-examining the British's Reaction and Policy." *Journal of Al-Tamaddun* 17, no. 1 (2022): 67–83. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no1.6>

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. "Pendekatan Sejarah Lokal dan kepentingannya dalam pencegarahan Malaysia." *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Science and Humanities* 92, no. 3 (2022): 199–209. <http://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-15>

Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. "Misa Melayu: Sumber dokumen penting pengkajian tentang aspek ekonomi Perak kurun ke-18." *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29, no. 1 (2022): 187–211. <http://doi.org/10.21315/kajh2022.29.1.9>

**Tan Chee Seng**, 2022, 'BOOK REVIEW: The Xaverian Journey: The Story of a Lasallian School in Penang, Malaysia 1787-2019', *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 40(1): 239-245 [Scopus / ESCI]  
[http://web.usm.my/km/40\(1\)2022/KM40012022\\_11.pdf](http://web.usm.my/km/40(1)2022/KM40012022_11.pdf)

**Norasmahani Hussain**, 2022, 'The Origin of U.S. Containment Policy in 1947: The Perception of British School', *Tankang Journal of International Affairs*, 25 (4): 53-115. [Scopus]

Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & **Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli**, 2022, 'Staffing Policies and Human Resources Management in Electricity Industry in Peninsular Malaysia: The Development of Malay Engineers, 1949-1990', *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 49, No 2.



## PENERBITAN ARTIKEL 2022 MYCITE DAN BERWASIT

**Norasmahani Hussain** dan Zulkanain Abdul Rahman, 2022, 'Strategi Britain ke Arah Pakatan Anglo-Amerika bagi Mengelakkan Peluasan Kuasa Kesatuan Soviet di Greece dan Turki', 1945- 1947, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 6 (2): 35-49. [MyCite]

**Norasmahani Hussain**, 2022, 'The Cold War Tension in Greece and the Continuation of British Rule in Cyprus, 1945-1950', *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 31 (1): 106-124. [MyCite] <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol31no1.6>

Nurul Husna Muhammad Yusuff, Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli & **Norasmahani Hussain**, 2022, 'Perkembangan Pengeluaran Getah di Negeri Kedah, 1970-1990', *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 31 (2): 142- 162. [MyCite] <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol31no2.8>

**Norasmahani Hussain** dan Zulkanain Abdul Rahman, 2022, ‘Keanggotaan Negara-negara Eropah dan Kelewatan Penubuhan Nato, 1948-1949’, dalam Budiman: *Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato’ Dr. Mohammad Redzuan Othman*, disunting oleh Zulkanain Abdul Rahman dan Abu Hanifah Haris (Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2022), hlm. 251-280.

Mohd Firdaus Abdullah, Arba’iyah Mohd Nor & **Norasmahani Hussain**, ‘Perjanjian Bekalan Air Kedah dan Perlis 1969-1994’ dalam *Sorotan Sejarah Perlis: Perkembangan Kebudayaan dan Sosioekonomi*, disunting oleh Nasha Rodziadi Khaw, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Nazarudin Zainun (Pulau Pinang: Penerbit USM, 2022) hlm. 279-300.

**Abdul Rahman Mad Ali @ Abang**, Fatmah Binti Haji Sidek, Zaini Othman. (2022). ‘Kesultanan Beolongan (Bulungan) Dan Pensejarahan Sabah’. Bab dalam buku bagi makalah SEMALU 1, Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM dan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

PENERBITAN  
**BAB DALAM BUKU**  
2022



## PEMBENTANGAN KERTAS KERJA/

PENERBITAN PROSIDING 2022



**Norasmahani Hussain.** Strategi Britain ke Arah Pakatan Anglo-Amerika Bagi Mengelak Peluasan Kuasa Kesatuan Soviet di Greece dan Turki, 1945-1947, 17/03/2022 - 17/03/2022, Konferensi Sains, Etika dan Peradaban [KonSEP] 2022, Uitm Perlis (International)

**Norasmahani Hussain.** Britain wanted Turkey In The Middle East Command For Nato's Political Stabilization, 1949-1950, 16/05/2023 - 17/05/2023, The 8th International Conference On Social Sciences and Humanities [ICOSH] 2023, UKM (abstract accepted)

**Abdul Rahman Mad Ali @ Abang,** Zaini Othman & Eko Prayitno Joko (2022). 'Surat Surat Sultan Beolongan (Bulungan) Kepada Belanda (Nederland): Koleksi Peribadi Sultan Bulungan Ke-10'.

Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Ke -2. Mewarisi Ilmu Pustaka Watan. Dalam Era Industri 4.0. 24 November, 2022. (Antarabangsa)



Panel:

Prof. Dato' Seri Dr. Md

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Prof. Dato' Dr. Ahmad

Pusat Penyelidikan Dasar

OLEH: DR. AZMI ARIFIN

## BICARA ILMUWAN

99

**Fakta-fakta  
adalah suci,  
pandangan  
adalah bebas**

J. P. Scott.

Tulisan ini adalah luahan hati saya yang ikhlas sebagai seorang ahli sejarah. Seorang ahli sejarah, bagi saya, haruslah mempunyai prinsip dan pegangan yang jelas tentang disiplin sejarah yang harus diikuti ditegakkannya. Mereka tidaklah harus dan tidak wajar menjadi nasionalis yang berat sebelah, memperjuangkan sesuatu kepentingan yang lebih memihak kepada negara, bangsa, kaum, ideologi dan kepentingan diri mereka sendiri. Keadilan sejarah, bagi saya, ialah kebebasan daripada sebarang kongkongan untuk berpihak. Dan tentulah juga bagi ahli sejarah, ialah satu medan suci tafsiran untuk menegakkan keutuhan fakta, sedangkan fakta itu ialah kebenaran.

Sebagai ahli sejarah sejati, tugas saya adalah untuk menceritakan seikhlas mungkin peristiwa-peristiwa lampau yang berlaku, secara lengkap dan tidak berpihak, dan tidak memilih fakta yang mana harus disanjung atau dicemuh. Saya perlu menjadi individu yang AMAT berkecuali, hatta terhadap pihak yang paling saya tidak sukai. Tugas saya memaksa saya memahami mereka dari sudut yang paling adil, atau yang saya yakin paling adil, kepada peranan mereka sebagai pelaku sejarah, dengan menceritakan apa yang saya pasti betul dan apa yang saya pasti salah, atau kedua-duanya sekaligus. Ada pandangan saya yang mungkin menghiris

ramai pihak dan pahit untuk diceritakan, bukan sahaja untuk saya tetapi para audien yang mendengar dan membaca, tetapi saya tidak perlu merasa bersalah dan tidak perlu meminta maaf hanya kerana saya telah berfungsi sebagai ahli sejarah yang tidak serasi dengan seseorang atau mana-mana pihak. Dan saya sebagai ahli sejarah, saya juga perlu bersedia menerima apa sahaja kritikan yang timbul asalkan ia berkaitan dengan ilmu dan bidang saya itu.

Pandangan saya sebagai ahli sejarah tidak ada yang betul secara **MUTLAK**, kerana itu bukannya fakta sekeras batu, tetapi fakta yang saya yakini dari sudut pandangan ilmiah saya. Jika kami ahli sejarah mempunyai ahli dalam 10 orang dalam bidang ini, maka 10 lah sudut pandangan yang akan muncul daripada kami. Perbezaan itu perlu diraikan dan dihormati, dan kritikan yang mungkin agak terbuka sesama sendiri, maksud saya sesama ahli sejarah, bukanlah isu peribadi. Ia adalah isu percanggahan tafsiran, keunikan disiplin dan penghormatan kepada ilmu tersebut. Yang dikritik akan menerima kritikan secara terbuka sebagai satu bentuk sanjungan, bukannya cemuh kepada kepakaran dan ilmunya, kerana setiap ahli sejarah yang dikritik mempunyai hak untuk memberi jawapan berbeza, atau jawapan itu diberikan oleh orang lain yang menyokongnya. Itulah tugas kami

yang cukup sederhana tetapi bermakna, demi memasyarakatkan sejarah, dan menjadikan semua manusia di sekeliling kami manusia yang tahu tentang peristiwa lalu mereka, baik atau pun buruk.

Maka adakah dengan sikap berkecuali itu saya bebas sepenuhnya daripada perasaan berpihak dan menyokong? Tidak juga. Sebagai ahli sejarah, kami tetap manusia, apabila makan, tahu rasa dan ingin memilih mana yang paling serasi dan sesuai, kerana kami ahli sejarah itu manusia, apabila bergaul tahu mengukur dan ingin memilih mana yang harus disokong atau diketepikan. Pendek kata, sebagai ahli sejarah kita sentiasa dipengaruhi dan dibentuk oleh naluri dan penilaian yang subjektif.

**Namun sebagai ahli dalam disiplin ini, saya dan ahli sejarah yang lain diberi amanah untuk mengetepikan pilihan subjektif kami, kerana itulah prinsipnya berilmu dan berfakta dalam disiplin sejarah.**  
**Dalam disiplin yang agak ketat, keseimbangan dan sikap tidak berpihak, bagaimana pun kerasnya kami dalam berpendirian, mencerminkan penghormatan tertinggi kami terhadap profesion dan falsafah ilmu sejarah itu sendiri.**

Dengan sikap demikianlah saya percaya ahli sejarah akan dihormati pandangannya, oleh mana mana pihak, kerana mereka menyampaikan suara semua orang, dan cuba untuk berbaik sangka dengan semua orang, sama ada dengan menerima atau mengkritiknya. Tapi hal itu masih tetap bergantung kepada jenis masyarakatnya, sejauh mana masyarakat itu sendiri celik dan terdedah dengan disiplin ini, walaupun sedikit, dan oleh itu ada rasa keinginan untuk menghormati prinsip-prinsipnya. Dan bergantung kepada sejauh mana masyarakat itu sendiri menghormati dan memberi tempat kepada ahli sejarah sesuai dengan kedudukannya.

Sepanjang saya menjadi ahli sejarah, semua tulisan saya menjelaskan sikap berkecuali saya, dan juga sebaliknya perjuangan tafsiran sejarah

saya yang tersendiri. Apabila berbicara tentang bangsa saya misalnya, saya tidak ingin terlalu memujinya atau mengangkatnya, kerana itu bertentangan dengan disiplin ilmu saya yang diajar sejak saya dibangku sekolah. Yang baik atau buruk harus saya ceritakan, setahap ilmu yang saya tahu. Namun dalam usaha itu, saya mungkin diuji dengan satu rasa sensitiviti atau tanggungjawab yang lain di luar sejarah, misalnya sebagai seorang ahli masyarakat, atau bangsa, atau umat, ahli sejarah juga sarat dengan idea perjuangan. Namun dalam hal ini juga saya tetap berwaspada untuk tidak terus terperangkap dalam situasi untuk memihak. Sekiranya saya mendapatkan, misalnya bangsa saya, malah agama saya, diburukkan dan dicemuh tanpa bukti-buktii jelas, dan kebenaran sejarah telah diputarbelitkan untuk menghodohkan mereka, oleh bangsa lain atau bangsa saya sendiri, maka saya hanya akan berusaha mengangkat tulisan untuk membela mereka, bukan sebagai sebangsa, atau seagama, tetapi sebagai ahli sejarah yang mempunyai pandangan berbeza, tahu akan fakta-fakta sejarah yang berlaku, ada bukti kukuh dan memberikan dalil yang kukuh. Saya tidak perlu menjadi seorang pejuang atau nasionalis untuk mempertahankan kebenaran tentang mana yang hebat tentang bangsa saya, kerana bukti-buktii sejarah itu sendiri sudah amat memadai untuk menjadi asas saya untuk menegakkan kebenaran tanpa perlu berpihak atau bersikap tidak profesional dalam memerihalkan sejarah.

Apabila menulis tentang perihal politik, sebagai bidang kepakaran saya, saya cuba sebaik mungkin berkompromi dan melihatnya secara positif bagi mengelakkan menjadi terlalu jelas sendeng atau menyukai mana-mana pihak. Sebab politik itu perkara dalam dunia yang bagi saya, paling merosakkan.

**Tapi fakta dan bukti tetap menjadi alat yang mengukuhkan perjuangan saya secara objektif. Maka dalam membincangkan perihal penjajahan British misalnya, saya menjadi keras terhadap mereka, kerana tiada penjajahan boleh ditegakkan atas prinsip kemanusiaan dan keadilan, biar bagaimana sekalipun fakt-fakta cuba diputarkan untuk menjadikannya suci.**

Bukan kerana saya menilai setiap penjajahan itu salah atau jahat kerana ia penjajahan. Sebaliknya

kerana saya telah ditanam kuat dengan sumber dan bukti penjajah itu sendiri tentang kejahatan mereka. Sejarah yang menceritakan kepada hati naluri saya tentang kejahatan penjajahan. Dan bagi saya, fakta-fakta yang paling objektif sekalipun tetap akan menjelaskan kejahatan British, di mana sahaja bumi yang dirompak dan dicemarinya. Mungkin ada yang berkata istilah-istilah ‘penjajah’, ‘penindas’ atau ‘zalim’ yang saya gunakan ibarat menjatuhkan satu pengadilan awal yang tidak masak.

**Maaf! Saya ialah ahli sejarah yang percaya pengadilan moral itu perlu dan bukanlah sukar untuk kita menentukan baik dan buruknya sesuatu.**

Dan saya tidak ingin meminta izin dan merasa lemah kerana berpandangan begitu, yang mungkin berbeza dengan ahli sejarah lain di sekeliling saya. Maka dalam pendirian begitu, disebabkan sifat rumusan yang saya perolehi daripada kajian-kajian saya yang luas, saya menolak dan menyalahkan imperialisme sebagai satu ketidakadilan yang wajar diceritakan dalam konteks sejarahnya yang sebenar dan paling tepat. Tidak ada isu pengadilan moral yang kabur di sini.

Apabila menyentuh tentang kehadiran kelompok asing di negeri-negeri Melayu, saya tidak begitu teragak-agak untuk menggunakan istilah sejarah sebenar, bahawa mereka ialah kapitalis-kapitalis pendatang yang rakus, bahkan mereka banyak terlibat dalam menjayakan imperialisme di bumi ini, khususnya sejak kurun ke-19 lagi. Bahawa mereka menjadi sebahagian punca yang mencipta pemerasan dan penindasan peribumi, dan sudah tentu dalam proses mencari untung ketamakan, mereka juga telah memiskinkan peribumi. Bukti-bukti sejarah amat banyak menyebutkannya di tangan saya. Dalam kes di Perak kurun ke-19, yang menjadi fokus kajian besar saya, saya bahkan menghujahkan Perak dalam keadaan aman dan makmur. Perak tidak sedang dalam keadaanerosot ketika kemaraan British. Dan tiada apa-apa penyakit serius yang melanda politik Perak, baik di tangan para sultan, pembesar dan rakyatnya. Sejarah yang ada dikupas oleh saya sebagai penipuan

hasil daripada manipulasi pensejarahan yang sengaja dibentuk demikian negatif sejak zaman kolonial, oleh pencatat kolonial, yang sesetengahnya agak rasis sikapnya.

Malah lebih terbuka dan sensitif lagi, dalam konteks Malaysia yang masih ada kelukaan dari segi hakikat sejarahnya, saya berkata pahit tentang proses bagaimana Perak itu tidak akan terjajah dengan lebih senang oleh British tanpa ada penglibatan orang asing (kapitalis Eropah-asia/kongsi gelap Cina) yang terlibat di dalamnya dan menuntut agar Perak dijajah atas nama mencari kekayaan dan kesenangan.

Hujahan ini jelaslah amat berat, kerana pelajar saya terdiri daripada pelbagai kaum, yang mempunyai sejarah leluhur masing-masing, tetapi seberat mana pun saya mahu menyampaikannya, ia tetap adalah tugas saya sebagai ahli sejarah. Baik atau buruk, positif atau negatif.

Dalam aspek ini kita harus kembali kepada ketetapan yang tunjang. Perkara yang ingin diterangkan ialah sejarah yang berlaku masa dahulu, bukannya yang berkait dengan masyarakat kita pada hari ini. Ia hanyalah satu kisah silam, atau pun realiti, yang berlaku, dan tetap akan tercatat sampai bila-bila pun, dan tetap akan ditimbulkan oleh sesiapapun yang mengkaji.

Dalam konteks ini, sejarah memaparkan kesilapan nenek moyang yang masih boleh dijadikan iktibar baik buruknya, tiada apa-apa yang perlu dikesalkan. Saya pun tidak boleh disalahkan atas apa yang telah diberikan oleh fakta-fakta. Di sebalik itu, janganlah pula saya disalahkan kerana menceritakan juga kisah-kisah pengkhianatan peribumi itu sendiri, biar siapa pun mereka.

**Misalnya dalam menulis tentang sejarah perjuangan sebuah parti Melayu bernama Inggeris, The United Malays National Organisation (UMNO), saya melihatnya dari pelbagai aspek yang berkecamuk.**

Pemahaman dan penegasan saya ditentukan oleh rekod-rekod dan kefahaman yang tertentu yang saya tidak jangkakan, atau sebenarnya tidak harapkan setelah melalui sejarah panjang

pendedahan sejarah di sekolah. Pemahaman yang saya maksudkan ialah UMNO sebelum merdeka banyak memperjuangkan isu Melayu daripada kemerdekaan, dan UMNO selepas perpecahan kelompokkan dan kiri dalamnya bukan lagi sebuah gerakan memperjuangkan kemerdekaan. Hujahan ini adalah satu hujahan yang kuat dari sudut fakta dan rekod sejarah. Ia harus diterima seadanya. Namun saya juga melihat dari perspektif yang lain, yang mungkin lebih positif. Bahawa pandangan serong oleh pelbagai pihak, khususnya yang berideologi kiri, yang mendakwa perjuangan UMNO langsung tidak berkait dengan perjuangan nasionalisme dan kemerdekaan itu salah. UMNO sememangnya ditubuhkan atas matlamat untuk perjuangan merdeka, walaupun bukan Dato' Onn Jaafar atau Tunku Abdul Rahman al-Haj yang mempeloporinya. Dalam aspek dan contoh ini, saya mencuba sebaik mungkin menjadi ahli sejarah, bukannya ahli politik. Saya cuba menimbang secara adil, walaupun tafsiran sedemikian tidak akan menyenangkan semua pihak. Itu adalah hakikat pahit dalam disiplin sejarah, yang saya lakukannya hanyalah memenuhi tugas kecil saya. Namun ia hanyalah tafsiran yang masih boleh ditolak dan diperdebatkan. Jika ia terbukti benar, maka semua pihak perlu menerima tafsiran itu selagi mereka tidak mempunyai bukti atau tafsiran berbeza.

Dalam kes sejarah Parti Komunis Malaya (PKM) dan komunisme, sikap saya menjelaskan pendirian yang mungkin orang biasa tidak mudah memahaminya. Sebagai manusia biasa, dan rakyat yang patriotik, saya sangatlah antikomunis, kerana sejarah mereka saya tahu kejam sejak dari dulu sampai sekarang. Tapi disiplin dan bukti-bukti menetapkan batas yang harus saya pegang, dan harus saya hormatinya mengikut apa-apa sahaja yang bukti itu berikan dari jalan tafsirannya kepada saya. Saya juga harus cuba mengelakkkan sebarang prasangka, supaya tidak kelihatan berpihak dari awal-awal lagi. Dengan itu sahaja saya akan dihormati dari segi sudut pandangan oleh ahli sejarah profesional yang lain. Maka di sinilah rumusan saya mungkin sukar diterima atau disukai masyarakat yang hanya mahukan lukisan hitam putih, suatu binari biasa dalam sejarah, dan keputusan seperti seorang hakim yang menetapkan hukuman siapa bersalah seperti yang diinginkan mereka.

Misalnya untuk mengatakan PKM pengganas, saya cuba sama sekali mengelakkannya. Disiplin sejarah memaksa saya memerihal sebagai pemerhati sahaja, bukan sebagai seorang askar yang berperang menentang PKM, atau seorang hakim yang ingin menjatuhkan menghukum. Maka kajian saya menjelaskan selain keganasan lain, sebelum 1948, tidak ada keganasan jelas yang mewajarkan pihak British mengaitkannya dengan PKM untuk membolehkan Darurat 1948 itu diisytiharkan.

**Malah, saya menyatakan  
PKM hanyalah menjadi  
'mangsa' atau 'kambing  
hitam' British.**

Hal ini kerana kajian saya menunjukkan British telah mengiytharkan darurat dengan memanipulasi dan mereka-reka segala bukti bagi menunjukkan bahawa PKM, rakannya sendiri, adalah pihak yang bertanggungjawab melakukan pembunuhan, lantas menuduh PKM ingin memberontak dan mengangkat senjata sebagai punca darurat diisytiharkan. Perkara inilah yang dibekalkan pengetahuannya di dalam buku-buku teks sejarah kita. Walhal, darurat hanyalah alat British untuk menghadapi nasionalisme, sedangkan komunis itu hanya sasaran serampang dua matanya. Bagi menjadikan usahanya membendung perjuangan kemerdekaan nasionalis kiri dan agama dilihat sebagai satu usaha suci menghadapi komunis. British juga berusaha menghalimunkan gerakan nasionalis yang ketara berjuang menuntut kemerdekaan hingga seolah-olahnya orang Melayu ketika itu masih tidak mempunyai kesedaran politik. Maka sejarah demikian, yang saya fikir mengelirukan, haruslah diperbetulkan selagi saya mengetahuinya. Menyampaikan sejarah demikian satu amanah yang diletakkan di pundak saya sebagai ahli sejarah, biarpun dalam isu yang amat sensitif. Tidakkan pernah masyarakat memikirkan bahawa usaha saya ini sesuatu yang perlu dan wajar?

Maka adakah saya sudah menjadi komunis hanya kerana saya menyatakan semula apa yang sebenarnya fakta ceritakan kepada saya? Bahawa komunis itu tidak bersalah semasa British mengisytharkan darurat terhadapnya? Bahawa keganasan itu diada-adakan? Ya, itu

puncanya sampai saya pernah dilabel sebagai sosialis dan pendokong komunis. Sampai begitu sekali minda masyarakat telah dilemahkan oleh binari politik hitam dan putih. Amatlah pelik saya perhatikan masyarakat kita, kerana banyak tulisan saya yang menyampaikan isi perjuangan saya yang bersifat antikomunis tidak pula sampai kepada mereka, kerana mereka terlalu terikat dengan tempurung versi British dalam buku-buku teks, yang hanya menghodohkan PKM itu sahaja dalam isu Darurat 1948 dan menjadikan British itu suci. Walhal kedua-duanya ialah watak penjajah dalam tafsiran sejarah saya. Dua penjajah yang saling bercakaran, tetapi disebabkan tumpuan terhadap itu, sejarah peribumi yang bangkit menuntut kemerdekaan menjadi tenggelam dan tidak penting. Apa yang saya ingin sampaikan ialah keganasan PKM itu sepatutnya tidak dilihat pada tahun 1948 itu, tetapi jauh lebih awal. Paling ketara sejak 1945 selepas pihak Jepun berundur. Berapa ramai pihak misalnya yang telah menjadi mangsa keganasan PKM-MPAJA sama ada Melayu atau bukan Melayu, maka di mana British ketika itu dan undang undang daruratnya? Ya, PKM juga mengganas selepas darurat diisyiharkan pada 1948, tapi bukankah pada masa itu semua pun sedang berperang dan saling membunuh antara satu sama lain, untuk tujuan baik atau buruk? Pada masa yang sama saya juga ingin mengkritik mereka yang mahu mencipta mitos bahawa PKM berjuang untuk kemerdekaan. Saya katakan PKM hanyalah sebuah organisasi yang ditaja oleh negara China, dan perjuangannya adalah dalam cita-cita untuk menujuhkan sebuah negara satelit republik Rakyat China di Tanah Melayu, bukan untuk memerdekakan Tanah Melayu dan memberikan haknya semula kepada peribumi.

**Begitulah tafsiran saya dalam sejarah, yang berbidang sejarah politik. Memang agak menarik bagi sesetengah pihak, tetapi merimaskan bagi sesuatu pihak yang lain.**

Hal ini kerana mereka tidak melihat sejarah yang berlaku dari teropong ilmu sejarah yang lengkap. Bahawa semuanya adalah tafsiran peristiwa masa lampau yang masih boleh didebatkan dan ditolak. Bahawa ia hanya kisah masa lampau


yang hanya dipelajari bukan untuk menetapkan siapa bersalah dan apa hukumannya, tetapi untuk memahami nilai fakta itu sebagai ilmu yang boleh dijadikan iktibar. Umumnya mempelajari sejarah itu, lebih-lebih lagi sejarah politik, bukan perkara yang memberikan kegembiraan dan rasa senang. Bahkan, ia mencabar dan mewujudkan rasa marah, luka dan ketidakpuasan hati. Jika demikian, maka itulah yang sesungguhnya menunjukkan kita telah mempelajari dan menghayati sejarah. Kes yang sama berlaku kepada ahli sejarah yang cuba menyampaikan kebenaran fakta. Jika fakta mereka itu tidak menimbulkan sebarang reaksi dan menimbulkan sebarang kritikan dan perdebatan, ia mungkin menunjukkan kajian mereka kurang baik atau tidak menarik, atau terlalu bersifat naratif. Jika demikian sejarah itu dijelaskan atau dipaparkan, maka tidak hairanlah masyarakat tidak memberi perhatian yang sungguh-sungguh dan sejarah itu menjadi bidang yang membuat para pembacanya mengantuk.

@Artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan merupakan hak cipta Buletin Bahagian Sejarah. Sebarang salinan atau petikan tanpa memberi kredit sewajarnya adalah dilarang.

# PENGIFTIRAFAN PIHAK LUAR **TRAVELOG TAJUK BUKU RTM**

9 FEBRUARI 2023- Student Lounge, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menjemput Profesor Datin Dr. Mahani Musa sebagai panel untuk satu program bual bicara iaitu Program Travelog Tajuk Buku. Buku tulisan Profesor Datin Dr. Mahani yang terpilih untuk program ini adalah berjudul Sejarah Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah



## JEMPUTAN SEBAGAI PENILAI LUAR PROGRAM



Profesor Datin Dr. Mahani Musa telah dilantik sebagai penilai luar untuk Program di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial pada 28 Disember 2022 (Gambar atas)

Kemudian, beliau turut dilantik sebagai penilai luar bagi Program Pascasiswazah Sejarah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) Universiti Utara Malaysia pada , 29 hingga 30 Januari 2023 (Gambar sebelah)





2 SEPTEMBER 2022- Dr. Tan Chee Seng mewakili bahagian Sejarah telah mengadakan kunjungan ke Han Chiang University College of Communication (HCUC). Kunjungan ini disambut oleh Dekan, School of Chinese Studies iaitu Dr. Yeoh Kim Chuan, dan Dr. Jackson Loke Soo Ling selaku Pengarah Program, School of Chinese Studies.

Dalam kunjungan ini, beberapa konsensus awal telah dicapai melibatkan kerjasama antara Bahagian Sejarah PPIK USM dan School of Chinese Studies, HCUC seperti pelaksanaan program bersama termasuk juga perkongsian sumber bersama dan kepakaran bersama.




# KUNJUNGAN TIDAK RASMI



16 Mac 2023- Tiga orang pelawat dari Han Chiang University College of Communication (HCUC) yang terdiri Dekan School of Chinese Studies HCU, Dr. Jackson Loke Soo Ling, Pengurus Program, School of Chinese Studies HCU dan Mr Ong, Pegawai eksekutif Chinese Heritage Centre, HCU. Ketiga-tiga mereka telah dibawa melawat Bilik



Arkib Sejarah, Perpustakaan dan sekitar tempat lain di USM. Kunjungan ini adalah kunjungan balas sempena lawatan oleh Dr. Tan Chee Seng yang mewakili bahagian Sejarah melawat HCUC pada tahun lepas.





## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN **TAKLIMAT PELAJAR BAHARU**

Taklimat pelajar baharu ini adalah bagi mendedahkan kepada para pelajar tentang kursus-kursus yang ditawarkan oleh bahagian Sejarah serta keperluan kursus yang perlu dipenuhi untuk memastikan pelajar dapat bergraduat





## Latihan Industri dan Kajian Lapangan

OLEH: DR MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI

Bidang sejarah merupakan satu cabang ilmu yang mengkaji tentang masa lalu. Pengkajiannya melibatkan proses dan teknik penyelidikan yang sangat terperinci bagi memastikan penjelasan tentang sesuatu peristiwa sejarah dapat digambarkan secara tepat. Justeru proses pembelajaran sejarah tidak seharusnya dikendalikan secara teori di dalam dewan kuliah semata-mata. Sebaliknya para pelajar perlu didedahkan dengan keadaan di lapangan supaya mereka dapat memahami dan merasai sendiri pengalaman dalam membuat penyelidikan.

Proses pencarian bahan dan kajian di lapangan merupakan antara asas utama yang perlu dikuasai oleh seseorang penyelidik sebelum memulakan kajian seterusnya memastikan kelancaran dalam proses penulisan. Sehubungan dengan itu, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia telah mengambil inisiatif dengan memberi pendedahan secara praktikal kepada para pelajar menerusi pengenalan kursus HSM320 Sejarah Gunaan dan Kajian Tempatan. Menerusi kursus tersebut, para pelajar didedahkan dengan proses pencarian dan penggunaan bahan, tata cara menjalankan temu bual dan latihan mengumpul maklumat.





Bagi Semester 2, Sidang Akademik 2021/2022, kursus HSM320 dikendalikan oleh Dr Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli (selaku penyelaras) dengan dibantu oleh Profesor Datin Dr Mahani Musa dan Dr Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. Selain kuliah, pelbagai program lain telah dijalankan untuk memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada para pelajar. Sesi taklimat dan ceramah turut dianjurkan dengan menjemput penceramah seperti Profesor Jelani Harun untuk berkongsi maklumat berkaitan dengan pensejarahan dan manuskrip Melayu. Dr Tan Chee Seng dari Bahagian Sejarah turut dijemput untuk memberi latihan pencarian sumber secara digital. Di samping itu, bekas pensyarah di Bahagian Sejarah, Dato' Dr Abu Talib Ahmad turut dijemput untuk memberi penjelasan kepada para pelajar berkaitan muzium.

Pada 15 dan 22 April 2022, para pelajar telah dibawa ke Perpustakaan Hamzah Sendut untuk mempelajari kaedah mencari sumber secara dalam talian dan mengendalikan bahan rujukan dalam bentuk mikrofilem dan mikrafis. Para pelajar telah didedahkan dengan pelbagai sumber seperti akhbar, rekod pejabat tanah jajahan, dan peta.





Berikutnya pada 29 April 2022, Profesor Datin Dr Mahani telah mengadakan latihan 'mock' temu bual sejarah lisan bertempat di Dewan Kuliah SKI. Latihan yang diberi sangat penting untuk memastikan para pelajar memahami kaedah dan aturan yang perlu diikuti untuk mendapatkan maklumat daripada responden.



Latihan yang diberi sangat sesuai dengan bidang sejarah yang turut menitikberatkan penggunaan sumber lisan bagi mempelbagaikan lagi sumber maklumat.





Pendedahan kepada para pelajar diteruskan lagi dengan kajian lapangan dan industri di Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis dan Tapak Arkeologi Sungai Batu, Kedah pada 22 Mei 2022. Menerusi lawatan tersebut, para pelajar diberi taklimat berhubung kepentingan dan tanggungjawab arkib dalam menyimpan dan memelihara khazanah warisan oleh pengarangnya, Encik Abdul Jabar.



Serentak dengan itu, para pelajar diberi tunjuk ajar mengenai cara penjagaan bahan bertulis seperti buku, fail dan sebagainya oleh pegawai arkib.





Lawatan di Tapak Arkeologi Sungai Batu pula mendapat kerjasama daripada Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM. Dr Nasha Rodziadi Khaw telah menunjukkan kepada para pelajar tapak-tapak arkeologi dan berkongsi maklumat mengenai tinggalan yang terdapat di setiap tapak berkenaan.



## MAJLIS PENGANUGERAHAN



Majlis penganugerahan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan merupakan acara tahunan bagi meraikan staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam perkhidmatan.

Beberapa orang ahli bahagian Sejarah juga telah memperoleh pelbagai anugerah atas pencapaian cemerlang dalam perkhidmatan.



## BENGKEL KERJAYA

Bengkel kerjaya ini diadakan bagi pelajar tahun akhir yang bermajor Sejarah. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah bagi membimbing pelajar dalam menceburi lapangan kerjaya setelah bergraduat. Tumpuan diberikan kepada laluan dan peluang kerjaya yang boleh diceburi setelah bergraduat.

Para pelajar juga didedahkan dengan kemahiran menulis resume yang baik.

LIBAT SAMA

## LAWATAN SEKOLAH

### PROGRAM LAWATAN DARIPADA SEKOLAH MAAHAD TAHFIZ SAINS DARUL MUTTAQIN, KEDAH KE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



02 OKTOBER 2022- Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM) berbesar hati menerima lawatan daripada Sekolah Maahad Tahfiz Darul Muttaqin dari negeri Kedah. Melalui program lawatan separuh hari ini, para guru dan para pelajar telah diberi taklimat ringkas

oleh Pengurus Rancangan Bahagian Sejarah, Dr. Azmi Arifin tentang USM, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Bahagian Sejarah.

Kemudian para guru dan pelajar turut dibawa melawat ke bilik-bilik tutorial dan bilik arkib Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK). Semoga lawatan ringkas ini memberi sedikit sebanyak maklumat kepada para pelawat tentang Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) dan USM umumnya serta Bahagian Sejarah, USM khususnya.



## PERSARAAN STAF

16 Disember 2022- Majlis penghargaan oleh Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM untuk Encik Ooi Hock Thiam yang merupakan salah seorang ahli bahagian Sejarah. Encik Ooi Hock Thiam telah bersara wajib setelah berkhidmat untuk bahagian Sejarah selama 32 tahun.

Bahagian Sejarah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat Encik Ooi Hock Thiam atas khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang perkhidmatan beliau dengan bahagian Sejarah. Segala jasa dan budi akan teguh dalam ingatan.

# AKTIVITI KELAB SEJARAH

OLEH:  
SAUDARI SITI ROSTINAH ARAB

## BENGKEL PENULISAN ILMIAH

Program Bengkel Penulisan Ilmiah ini dijalankan bagi memberi pendedahan mengenai kaedah, cara dan format yang tepat dalam penulisan rujukan atau bibliografi berdasarkan rujukan gaya Chicago Manual Style. Pendedahan ini penting terutamanya kepada pelajar tahun pertama yang akan memilih kursus Sejarah sebagai pilihan kursus major. Pelajar yang terlibat juga didedahkan mengenai tatacara penulisan esei yang berilmiah mengikut disiplin pengajian sejarah.



## LAWATAN KELAB SEJARAH KE PERAK

Lawatan Sejarah ke Perak diadakan bagi memberi kesempatan dan peluang kepada siswa-siswi USM mendalami ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman serta mengalami keadaan sebenar berkaitan dengan bidang Sejarah dan memberikan peluang keemasan kepada mereka untuk lebih memahami dan menghayati Sejarah selain mendedahkan mereka dengan suasana penyelidikan sejarah.





## BOOTH KELAB SEJARAH

Booth Kelab Sejarah USM dibuka bagi menarik penyertaan ahli baharu Kelab Sejarah. Pelbagai aktiviti dijalankan bagi menarik pendaftaran ahli baharu.



## KUNJUNGAN PERSATUAN MAHASISWA SEJARAH UPSI

Persatuan Mahasiswa Sejarah UPSI telah berkunjung ke Universiti Sains Malaysia untuk melawat bilik arkib dan perjumpaan turut dibuat dengan Kelab Sejarah USM bagi membincangkan program kolaborasi bersama iaitu Program Ekspedisi Sejarah Kalabakan.



## KEMUDAHAN BAHAGIAN SEJARAH BILIK ARKIB

Bahagian sejarah USM juga turut mempunyai bilik arkib yang menyediakan sumber primer dan sekunder bagi membantu memudahkan pengkajian pelajar yang mengikuti kursus sejarah di PPIK, USM.



PENGALAMAN ALUMNI PROGRAM SEJARAH

# HIKAYAT BUDAK SEJARAH TAHUN PERTAMA


Oleh:

Muhammad Izuan bin Abdul Rahman

Nama saya Izuan, mahasiswa Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) batch 2009 bermajorkan sejarah dan berminor Sains Politik. Saya merupakan kumpulan pertama Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX). Jadi majoriti pelajar yang masuk ke USM pada tahun tersebut merupakan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dengan pointer 3.50 ke atas. Bahkan majoriti rakan-rakan saya di PPIK merupakan pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Saya sememangnya meminati subjek sejarah sejak dari bangku sekolah lagi. Sewaktu sekolah rendah, waktu rehat saya dihabiskan dengan menelaah buku *Hari Ini Dalam Sejarah* terbitan Arkib Negara Malaysia. Meskipun sering dimomokkan oleh senior-senior bahawa sejarah merupakan subjek yang sukar kerana perlu menghafal banyak fakta, namun bagi saya sejarah merupakan mata pelajaran yang amat menyeronokkan. Apabila memasuki sekolah menengah, saya mula mewakili sekolah dalam sebarang pertandingan sejarah. Kemuncaknya sewaktu saya tingkatan lima, saya berjaya membawa sekolah saya menjuarai pertandingan kuiz sejarah mengalahkan beberapa sekolah berasrama penuh di daerah Kota Tinggi.

Berkaitan institusi pengajian tinggi yang menawarkan sejarah sebagai satu cabang disiplin ilmu, sejurnya saya tidak mengetahui akan kewujudan bahagian Sejarah di Universiti Sains Malaysia, sehingga tahun 2008. Saya hanya maklum kewujudan bidang pengajian sejarah di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya sahaja. Begitu juga dengan ahli sejarah, tidak ramai ahli sejarah yang saya kenali. Ketika itu hanya dua nama sahaja ahli sejarah yang saya tahu iaitu mendiang Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim kerana beliau seringkali muncul di kaca televisyen dan Profesor Dato' Dr. Ramlah Adam penulis buku teks yang saya gunakan di sekolah.

Sewaktu semester pertama saya di universiti, persepsi saya terhadap subjek sejarah mula berubah. Saya merasakan subjek HSA101 *Pengantar Sejarah* terlalu sukar. Saya merasakan otak saya pada ketika itu tidak mampu untuk menerima teori-teori yang dikemukakan oleh ahli sejarah seperti R. G. Colingwood, F. J. Teggart dan E. H. Carr. Apatah lagi setelah melihat tebalnya buku *The Idea of History* tulisan R. G. Colingwood yang perlu saya telaah. Mujurlah pada ketika itu, Mendiang



Dr. R. Suntharalinggam telah menghasilkan buku bertajuk *Pengenalan Kepada Sejarah* yang banyak membantu kami pelajar-pelajar subjek *Pengantar Sejarah* untuk memahami dengan mudah perbincangan mengenai teori-teori sejarah. Begitu juga dengan tulisan E.H Carr bertajuk *What is History?* yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Prof. Madya Abdul Rahman Haji Ismail. Bahkan, sewaktu berkhidmat sebagai tutor bagi subjek *Pengantar Sejarah*, saya sering-kali mengingatkan pelajar-pelajar bahawa buku bertajuk *Pengenalan Kepada Sejarah* merupakan bahan bacaan yang wajib bagi mereka yang mengambil subjek *Pengantar Sejarah*.

Mengimbau kembali kenangan sebagai seorang pelajar Sejarah di PPIK, tugasan eseи saya yang pertama iaitu bagi kursus Pensejarahan Melayu banyak membentuk saya sebagai seorang pelajar sejarah. Ketika itu, saya dikehendaki untuk mengupas perdebatan antara dua orang sejarawan tempatan iaitu Profesor Dato' Zainal Abidin Abdul Wahid dan Profesor Madya Abdul Rahman Haji Ismail mengenai *Sulalatus Salatin* sebagai sumber sejarah. Memandangkan soalan tugasan saya itu merupakan topik ketujuh, maka kuliah mengenainya hanya akan diberikan pada minggu ke sembilan iaitu selepas cuti pertengahan semester. Oleh kerana ada dalam kalangan anak kawan-kawan ibu saya yang gagal subjek di universiti kerana tidak menyiapkan tugasannya mereka, jadi sewaktu semester pertama saya di universiti, setiap hari ibu saya akan menghantar mesej kepada saya bagi mengingatkan supaya segera menyiapkan sebarang tugas yang diberikan oleh pensyarah. Enggan menipu ibu saya yang berada di kampung halaman, saya ambil keputusan untuk menyiapkan tugasan *Pengantar Sejarah* sebelum cuti pertengahan semester meskipun saya hanya perlu menghantarnya pada minggu ke sepuluh. Setelah menelaah bahan-bahan bacaan yang disarankan di dalam rangka kursus, saya mengatur pertemuan dengan Dr. Nik Haslinda Nik Hussain yang mengajar subjek *Pengantar Sejarah* ketika itu. Dalam pertemuan tersebut, beliau menyarankan saya untuk berjumpa sendiri dengan Profesor Madya Abdul Rahman Haji Ismail (turut dikenali sebagai Prof. Rahman dalam kalangan pelajar) untuk mendapatkan komennya mengenai tafsiran sejarawan tempatan lain seperti Zainal Abidin Abdul Wahid, Chandra Muzaafar dan Cheah Boon Kheng mengenai *Sulalatus Salatin*.

Tanpa membuang masa saya segera ke bilik Prof Madya Abdul Rahman Haji Ismail yang terletak di bangunan C20. Niat saya pada ketika itu hanya sekadar mendapatkan alamat e-melnya untuk membuat temu janji. Walau bagaimanapun saya bernasib baik kerana beliau sedang berkelapangan sewaktu saya sampai di hadapan biliknya. Beliau menjemput saya masuk ke dalam biliknya yang penuh dengan buku dan kertas-kertas dokumen lama. Hanya terdapat sedikit ruang laluan untuk saya pergi ke mejanya.

**Melihat bilik yang penuh dengan buku dan kertas-kertas dokumen lama serta perwatakan Prof. Rahman yang berkaca mata dan tidak berambut mengingatkan saya watak profesor dalam komik-komik saya baca sewaktu kecil.**

Alhamdulillah, pertemuan pertama saya dengan Prof. Rahman berjalan lancar. Beliau meluangkan masa hampir dua jam menerangkan kepada saya mengenai tafsirannya terhadap *Sulalatus Salatin*. Berdasarkan pemerhatian saya sewaktu pertemuan tersebut, Prof. Rahman seorang ahli akademik yang meraikan perbezaan pendapat. Meskipun agak kritikal terhadap Sarjana Barat, Prof Rahman tidak menolak mentah-mentah pendapat sarjana lain mengenai *Sulalatus Salatin*. Apatah lagi mengakui bahawa tafsirannya yang paling tepat. Cuma beliau tekankan pentingnya mentafsir secara kritis setiap kisah dan peristiwa serta mitos dan legenda yang terdapat di dalam *Sulalatus Salatin*.

Berbicara mengenai sikap Prof. Rahman yang sentiasa meraikan perbezaan pendapat, saya teringat satu kisah lucu sewaktu mengambil subjek HSM210 *Sejarah Politik Malaysia Hingga Awal kurun ke-20* yang dikendalikannya bersama Profesor Datin Dr. Mahani Musa. Sewaktu memberikan kuliah mengenai kerajaan-kerajaan Melayu tradisional sekitar abad ke 17 hingga 19, Prof. Rahman bertanya Kampar (sebuah kerajaan yang terletak di Sumatera) terletak di mana? Secara spontan Ali (bukan nama sebenar) yang duduk betul-betul di hadapan saya dengan penuh keyakinan menjawab "Kampar (merujuk kepada daerah di negeri Perak) dekat Perak Prof!" Jawapan tersebut menyebab satu dewan kuliah A

mentertawakan Ali. Berbeza dengan Prof. Rahman, beliau mengiyakan jawapan Ali dengan menyatakan terdapat sebuah daerah di Perak bernama Kampar. Menurut Prof. Rahman, terdapat kebarangkalian Kerajaan Kampar yang terletak di Sumatera mempunyai pertalian atau hubung kait dengan daerah Kampar di negeri Perak. Justeru, beliau menyarankan mana-mana pelajar yang berminat untuk menyelidikinya dengan lebih lanjut.

Menariknya bahagian Sejarah di USM sewaktu zaman saya belajar ialah tenaga pengajarnya yang versatil. Kepakaran mereka tidak terhad pada satu bidang semata-mata. Prof. Rahman misalnya, tidak hanya mahir dalam sejarah China tetapi pakar dalam bidang sejarah politik Malaysia. Beliau giat menulis semula sejarah Malaysia berdasarkan sudut pandang dan tafsiran tempatan. Begitu juga Profesor Dato' Dr. Abu Talib Ahmad, selain pakar dalam bidang Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara (Sejarah Myanmar), beliau juga mahir dalam sejarah Jepun dan Malaysia. Seperkara yang menarik mengenai pensyarah-pensyarah di Bahagian Sejarah ialah penguasaan mereka terhadap bahan-bahan rujukan. Mereka dapat mengenal pasti sama ada seseorang pelajar tersebut membaca atau merujuk sesuatu bahan rujukan yang dinyatakan sama ada bagi tugas esei maupun pembentangan. Terdapat satu peristiwa di mana rakan sekelas saya sewaktu menyiapkan tugas HST121 *Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara* cuba menipu dengan mereka-reka tajuk buku yang dimasukkan pada bahagian bibliografi. Pada minggu ke-14 setelah tugas siap ditanda dan dipulangkan kepada pelajar, adalah menjadi kebiasaan sesama kami pelajar lelaki untuk membandingkan esei dan markah yang diberi sesama sendiri. Sewaktu membelek-belek esei kawan saya, di bahagian bibliografi kami ternampak Prof. Abu membulatkan beberapa rujukan yang digunakan dan meninggalkan nota "buku ini tidak wujud di perpustakaan". Sejak itu, kami tidak berani lagi menipu rujukan dalam menyiapkan tugas.

Antara subjek kegemaran saya sewaktu tahun pertama bergelar pelajar sejarah ialah HSM216 *Pensejarahan Malaysia*. Menerusi subjek ini, pelajar-pelajar sejarah dide daharkan dengan manuskrip-manuskrip Melayu seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *At-Tarikh*

*Salasilah Negeri Kedah*, *Misa Melayu* dan *Tuhfat An-Nafis* sebagai sumber sejarah. Subjek ini juga turut mendedahkan saya dengan memoir yang dihasilkan oleh tokoh nasionalis aliran kiri seperti Abdullah C.D, Samsiah Fakeh, Suriani Abdullah dan Mustapha Hussain untuk mengesan motif dan menilai perjuangan mereka sewaktu menentang penjajah. Bagi melihat perkembangan politik dan sosioekonomi orang Melayu pada awal kurun ke-20 juga, tenaga pengajar subjek ini iaitu Profesor Datin Dr. Mahani Musa mendedahkan kami dengan akhbar dan majalah sezaman seperti Idaman, Bulan Melayu, Majlis, Lembaga dan Warta Negara yang ketika itu giat membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan dan kemajuan orang Melayu. Bagi membaca akhbar dan majalah ini pula, para pelajar perlu menggunakan mesin mikrofilem yang terdapat di perpustakaan. Memandangkan bagi subjek ini, topik tugas dan pembentangan saya adalah mengenai Persuratkhabaran Melayu, maka kebanyakan masa saya pada semester itu dihabiskan di perpustakaan untuk membaca akhbar dan majalah Melayu menggunakan mesin mikrofilem.

**Subjek Pensejarahan Malaysia  
inilah juga yang mendorong saya  
menyambung pengajian ke peringkat  
pasca-siswazah dalam bidang  
sejarah.**

Pendekatan yang diajar dalam subjek ini iaitu kemahiran meneliti manuskrip tradisional, memoir, akhbar dan majalah sezaman telah saya aplikasikan sewaktu menjalankan penyelidikan di peringkat pasca-siswazah. Pendek kata, program sejarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia bukan sahaja telah mencetuskan minat yang mendalam buat diri saya untuk meneroka ilmu sejarah malah telah mempersiapkan saya dengan pelbagai kemahiran dalam menjalankan penyelidikan.

Moga pelajar sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan terus cemerlang!

Penulis merupakan pelajar PhD. di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

PENASIHAT  
**DR. AZMI ARIFIN**

KETUA PENGARANG  
**DR. SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF**

PEREKA GRAFIK  
**PUAN INTAN SUHAILA KASSIM**

AJK BULETIN  
**PROFESOR DATIN DR. MAHANI MUSA**  
**PROFESOR MADYA DR. MUHAMAD HASRUL ZAKARIAH**  
**PROFESOR MADYA DR. NAZARUDIN ZAINUN**  
**DR. TAN CHEE SENG**  
**DR. NORASMAHANI HUSSAIN**  
**DR. MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI**  
**DR. ABDUL RAHMAN MAD ALI**

WAKIL KELAB SEJARAH  
**SAUDARI SITI ROSTINAH ARAB**

BAHAGIAN SEJARAH  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM  
PULAU PINANG, MALAYSIA

-  <http://humanities.usm.my/>
-  <http://bahagiansejarah.usm.my/>
-  History Section, School of Humanities

